

agama yang berguna untuk memandu anak-anak kita di dalam keadaan yang sempurna dan terang tidak di dalam keadaan yang teraba-raba sebagaimana hari ini. Kita sendiri telah berikhtiar meminta seorang berdua menyempumakan penerangan-penerangan yang sebegitu dikehendaki tetapi tidak ada seorang pun yang ke tengah menyertai tujuan dan maksud itu. Dengan keadaan yang demikian ini bolehkah kita menyelamatkan anak-anak kita daripada pancaroba yang menimpa kita? Ingatlah bahawa ini suatu tanggungan yang besar kepada kita!

Kita sekarang berhajat kepada ulama-ulama kita ke tengah untuk memimpin dan memandu anak-anak kita supaya tidak tercebur ke dalam lembah yang ditakuti itu. Kita menghendaki mereka bekerja kepada cita-cita yang dimaksud itu. Kita menghendaki seberapa banyak kitab-kitab pengajaran agama bagi panduan mereka supaya jangan tercebur ke dalam jurang yang akan mencelakakan mereka itu kemudian.

Mudah-mudahan ada keinsafan di antara kita untuk menggalang ganti bagi menyelamatkan mereka itu daripada tercebur ke dalam marabahaya yang berjalan dari setapak ke setapak dengan derasny sedang kita tidak mengambil endah dan seolah-olah tidak mengambil peduli ke atas perkara itu adanya.

*

HARAPAN TUNGGAL

Baharu-baharu ini jawatankuasa pusat penaja kolej Islam se-Malaya telah mengadakan perjumpaan ramah tamah dengan wakil-wakil akhbar Melayu tempatan di rumah pengerusi jawatankuasa tersebut di Singapura, iaitu dengan maksud hendak mendapatkan kerjasama akhbar-akhbar itu bagi menjayakan penubuhan dan terlancarnya perjalanan kolej Islam se-Malaya, yang sudah dua tahun dirancangan, tetapi masih lagi terpendam dalam alam ghaib.

Mengadakan kolej Islam dan menjalankannya sekarang ini juga itulah sahaja harapan tunggal bagi Islam hidup bersemarak di negeri kita ini pada pandangan kita

bahawa kiranya terbantut dan ter bengkalai penubuhan kolej Islam itu – barang dijauhkan Allah – maka agama suci yang kita cintai itu sudah tetap akan menjadi ibarat benda buruk yang dihormati, tetapi tiada dikehendaki dan tiada berguna. Kita yakin bahawa orang-orang Islam di negeri ini tidak suka melihat nasib agama mereka menjadi demikian rupa, tetapi kalau hanya tak suka melihat hal itu pada hal tidak mahu berikhtiar bagaimana hendak menggelakkan bahaya tersebut, maka “tak suka” itu, tiada akan mengubah keadaan.

Sayogia diketahui bahawa agama kita istimewa agama Islam adalah suatu kepercayaan yang bukan tumbuh dengan sendirinya seperti cendawan di musim hujan, malahan berkehendakkan pusat yang daripadanya terbit segala usaha dan ikhtia bagi menyemai dan membaca kepercayaan itu, maka kolej Islam itulah pusat yang akan memberikan tenaga hidup agama Islam di negeri ini. Yang demikian itu adalah menjadi kewajipan tiap-tiap seorang muslim di negeri ini, dari pihak raja-raja dan pembesar-pembesar hingga kepada rakyat jelata memberikan sebarang apa jua sokongan dan bantuan yang terdaya oleh masing-masing kepada penubuhan kolej itu. Kewajipan ini tidak boleh ducuai-cuainkan atau diringan-ringankan oleh seorang muslim yang mengaku beriman kepada Allah dan beragamakan Islam.

Harus ada di antara orang-orang kita yang hanya berfikir secara kebendaan yang akan berkata bahawa kolej itu tidak perlu dan tidak mustahak kerana hajat kita kepada pegawai-pegawai agama seperti mufti dan kadi-kadi, tidaklah besar atau banyak bilangannya yang dikehendaki. Kepada orang-orang seumpama ini, kita suka menegaskan bahawa tujuan pelajaran dan didikan bukanlah untuk mencari kerja atau menyediakan pegawai-pegawai kerajaan. Kiranya tujuan pelajaran dihalakan ke situ nescaya tak perlulah di dalam sesebuah negeri itu diadakan berbilang-bilang universiti, kerana memadailah sebuah universiti bagi mengeluarkan pegawai-pegawai yang dikehendaki (sambungan pada muka 43)